

RUU Perhimpunan Aman 'slogan transformasi angan Mat Jenun', dakwa PAS
The Malaysian Insider
26 November , 2011

KUALA LUMPUR, 26 Nov — Pemuda PAS menyifatkan pentadbiran Umno-BN "semakin mundur dengan slogan transformasi angan-angan mat jenin" apabila membawa akta baru berkaitan dengan perhimpunan aman sedangkan rakan Asean, Myanmar memperlihatkan kemajuan dalam amalan hak asasi manusia.

"Ini membuktikan Malaysia dibawah pentadbiran Umno dan BN semakin mundur kebelakang dengan slogan transformasi angan-angan Mat Jenin," kata Ketuaanya Nasrudin Hassan dalam satu kenyataan.

Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 yang dicadangkan oleh kerajaan pusat Umno-BN, yang telah pun dibentangkan untuk bacaan kali kedua kelmarin, antara lain mewajibkan penganjur menghantar notis kepada polis 30 hari sedangkan negara lain seperti Myanmar jelas lebih maju penghayatan demokrasi apabila mahukan hanya notis lima hari untuk menganjurkan perhimpunan aman.

Tegas Nasrudin, Putrajaya kelihatan seperti mahukan perubahan setelah perit ditolak rakyat dalam pilihan raya umum 2008 tetapi mereka tidak mempunyai keberanian untuk benar-benar berubah dan menyambut baik aspirasi rakyat.

"Mereka bimbang kehilangan kuasa dan mereka tidak berani sebenarnya untuk melakukan perubahan dengan memberi lebih kuasa kepada rakyat berbanding memusatkan kekuasaan sepenuhnya pada mereka kerana mereka telah biasa berkuasa sejak lebih 50 tahun yang lalu," katanya.

Nasrudin menambah perkembangan terbaru menunjukkan "akan memakan diri mereka sendiri" apabila mereka dilihat enggan berubah, malah semakin memusatkan kekuasaan mereka bererti mereka akan menyaksikan nasib serupa sewaktu rakyat menolak kepimpinan mereka melalui pilihan raya umum 2008.

"Dulu mereka ditolak kerana keangkuhan dan pemusatan kuasa yang keterlaluan selama ini," kata beliau merujuk kepada laungan transformasi politik yang hendak dibawa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagaimana dijanjikan dalam perutusan khas sempena Hari Malaysia pada September lalu.

Bagaimanapun banyak pihak melihatnya sebagai 'janji' kosong atas alasan, misalnya Rang Undang-undang Perhimpunan Aman, mengekang kebebasan awam.